



NURHAMIZA (tujuh, kanan) bergambar bersama AJK Pertandingan Nasyid IPTA 2012.

Enam IPTA sertai pertandingan nasyid

UB 06.04.2012 B4

LABUAN: Sebanyak enam institusi pengajian tinggi awam (PITA) akan menyertai pertandingan nasyid peringkat IPTA 2012 di Dewan Utama Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada 6 hingga 8 April ini.

Penyelaras program, Nurhamiza Mumin berkata enam IPTA itu ialah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi Mara, Kota Kinabalu (UITM-KK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan tuan rumah, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Beliau yang juga Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), berkata pertandingan

nasyid itu dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2010/2011 dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta Sekretariat Masjid Al-Hikmah.

Katanya, majlis perasmian penutupan dan penyampaian hadiah pertandingan yang bertemakan ‘Seni Warisan Islam Sepanjang Zaman’ itu akan disempurnakan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang pada Ahad bermula jam 7.30 malam.

Sehubungan itu, Nurhamiza mengalau-alukan kehadiran dan sokongan orang ramai untuk menyaksikan dan seterusnya memeriahkan pertandingan nasyid itu yang julung-julung kalinya diadakan di UMS-KAL.

Sementara itu, beliau berkata, peserta akan dibawa melawat ke Muzium Marin dan Muzium Labuan pada Ahad dengan kerjasama daripada Jabatan Muzium Labuan.